



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TANAH MERAH, DI ATAS LOT PT10545 (11003), SEBAHAGIAN DARI 62.060 EKAR (25.115 HEKTAR) MUKIM MAKA, DAERAH KUSIAL, JAJAHAN TANAH MERAH, KELANTAN DARUL NAIM

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
47 / 2022	GRED : G7 KATEGORI : B PENGKUSUSAN : B04	21/06/2022 (Selasa) Taklimat : 10.00 pagi Tempat: Pejabat MARA Negeri Kelantan Tingkat 3, Dewan Auditorium Kompleks MARA, Jalan Dato'Pati, 15000 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	22/06/2022 HINGGA 28/06/2022	RM4,490.15	12/07/2022 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

**** SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA SESI TAKLIMAT TAPAK**

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-siji berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:

- i) SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR oleh CIDB (PPK)
- ii) SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN oleh CIDB (SPKK)
- iii) SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)

Satu (1) salinan siji-siji di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / WANG POS / KIRIMAN WANG** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) Kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 4.30 petang) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak seperti alamat di atas. **WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** sahaja yang dibenarkan untuk menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **PKK / CIDB** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.

6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor.
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
10. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
11. Pembelian Dokumen, Taklimat lawatan tapak dan penghantaran tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.